

09/10/2002

Malaysia untung berdagang dengan China

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia sedang menikmati banyak faedah hasil hubungan perdagangan dengan China, terutama selepas negara itu menjadi kuasa baru ekonomi dunia, kata Pengerusi Pusat Perundingan Industri Kecil Sederhana (SMI) Kebangsaan, Datuk Chua Jui Meng.

Beliau berkata keseluruhan perdagangan antara Malaysia - China meningkat sebanyak 21 peratus dari 2000 ke 2001 dan sebanyak 29 peratus dari Januari hingga Julai 2001.

"Pada tempoh yang sama tahun lalu, China dan Hong Kong adalah rakan perniagaan Malaysia yang keempat terbesar," katanya pada Persidangan Ekonomi Malaysia-China, di sini hari ini. Persidangan itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Chua yang juga Menteri Kesihatan, berkata Malaysia dikenali di peringkat antarabangsa termasuk China sebagai sebuah negara yang pesat membangun dalam pelbagai bidang, sejak Dr Mahathir menerajui negara pada 1981.

"Malaysia-China mempunyai hubungan dua hala sejak dulu, khusus dalam bidang ekonomi. Oleh itu, orang yang paling layak untuk bercakap mengenai hubungan Malaysia-China ialah Dr Mahathir yang berusaha keras menuju ke arah itu.

"Dr Mahathir sudah melawat lebih tujuh kali ke China untuk meningkatkan hubungan di antara kerajaan kedua-dua negara, selain perdagangan dan ekonomi. Malaysia juga mempunyai hubungan baik dan mantap dengan pemimpin China," katanya.

Chua berkata, China yang juga kerap mengadakan lawatan ke negara ini, pernah membantu Malaysia ketika menghadapi krisis kewangan pada 1987 hingga 1998.

Katanya, China juga memberi sokongan kepada Malaysia dengan meningkatkan pembelian minyak kelapa sawit ketika Amerika Syarikat melobi negara lain untuk membeli minyak kacang soya.

Chua berkata, ketika negara lain takut kepada China sebagai kuasa utama ekonomi dunia, Dr Mahathir mengambil langkah bertentangan dengan mempercayai republik berkenaan.

Beliau berkata, persidangan ekonomi yang julung kali dalam bahasa Inggeris ini akan memberi lebih banyak manfaat dalam pelbagai bidang, khususnya ekonomi antara kedua-dua negara.

"Dengan penggunaan bahasa Inggeris ia akan memudahkan peserta dari pelbagai bangsa memahaminya dengan baik," katanya.